



[Convocation](#)

Aktif dalam Program Khidmat Masyarakat, Muhammad Syafiq terima Anugerah Kecemerlangan Sapura Industrial

1 November 2024

GAMBANG, 27 Oktober 2024 - Muhammad Syafiq Mohd Wahidan, 24, anak kepada pasangan pesara tentera, Mohd Wahidan Amat Karim, 50 dan guru, Aizamiah Ahmad, 48 telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Kecemerlangan Sapura Industrial dalam Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) Ke-19 yang berlangsung di Dewan Kompleks Sukan UMSPSA Kampus Gambang.

Menurut graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Kepujian yang berjaya menamatkan pengajian dengan Nilai Gred Purata Kumulatif (PNGK), 3.75 itu, beliau meluahkan rasa syukur dan bangga dengan pencapaiannya pada hari ini.

“Hidup tidak berkat jika hidup bertongkat dunia.

“Dorongan, nasihat dan doa kedua ibu bapa menjadi azimat dan semangat untuk saya sentiasa proaktif dalam akademik dan kokurikulum,” ujarnya.

Beliau yang berpegang teguh kepada prinsip ‘kita tolong orang dan Allah SWT akan tolong kita’, sentiasa melapangkan masa untuk menyertai program yang dapat memberi manfaat dan sumbangan buat komuniti.

Antara program kemasyarakatan yang beliau sertai ialah pengedaran makanan kepada gelandangan di Pulau Pinang yang melibatkan seramai 30 orang pelajar UMPSA dan Universiti Utara Malaysia (UUM).



Selain itu, melalui Kelab Insmartive, beliau turut terlibat selaku fasilitator yang memberi semangat dan dorongan kepada pelajar sekolah rendah dan menengah untuk meneruskan pengajian di samping dapat memberikan pendedahan mengenai hala tuju selepas tamat persekolahan.

Kata pemenang pingat emas bagi projek ‘Invention GARDUINO - Portable Vertical Farming System’ dan naib johan bagi projek ‘The Invention Development of Vertical Farming System’ dalam pertandingan Creation, Innovation, Technology & Research Exposition (CITREX) 2024, itu, beliau mengharapkan agar universiti dapat memperbanyakkan pertandingan yang melibatkan reka cipta dan penyelidikan mengenai teknologi supaya dapat membuka minda pelajar dengan lebih luas untuk terus bergerak ke masa hadapan dengan lebih mampan.

Muhammad Syafiq kini berkhidmat di syarikat AB24 Engineer Sdn. Bhd. Kuantan sebagai Jurutera Projek.

Disediakan Oleh: Siti Nurfarmy Ibrahim, Pusat Komunikasi Korporat

TAGS / KEYWORDS

[Majlis Konvokesyen UMPSA Ke-19](#)

- 116 views

[View PDF](#)